



22 Ogos 2011  
22 August 2011  
P.U. (A) 293

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PINDAAN) (NO. 4)  
2011

*NATIONAL SPEED LIMIT (AMENDMENT) (NO. 4 ) ORDER  
2011*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PINDAAN) (NO. 4 ) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Had Laju Kebangsaan (Pindaan) (No. 4) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 22 Ogos 2011.

**Pindaan Jadual**

2. (1) Perintah Had Laju Kebangsaan 1989 [P.U. (A) 18/1989] dipinda dalam Jadual dengan memasukkan selepas butiran 17 butiran yang berikut:

“18. Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 yang bermula dari KM 424.793 (di koordinat U 34307.904, T 13156.195 Grid Cassini Negeri Terengganu) sehingga ke KM 2.478 di Persimpangan Jalan Bukit Jong (di koordinat U 44038.412, T 14973.691 Grid Cassini Negeri Terengganu).”.

(2) Jalan dengan had laju yang dinyatakan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL  
[Subperenggan 2(2)]  
PETA LEBUH RAYA PANTAI TIMUR FASA 2

